

DATE: 13/11/2007

# Sokong BN untuk terus agenda pembangunan

BH-13/11/2007

## Abdullah gesa rakyat Sarawak beri mandat besar pilihan raya umum

Oleh Kandau Sidi

**M**IRI: Agenda pembangunan sedia ada mampu dijana dengan lebih mantap sekiranya rakyat memberi mandat serta kemenangan lebih besar kepada kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya akan datang, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri menegaskan, sokongan padu rakyat, termasuk penduduk Sarawak diperlukan supaya semua pembangunan yang sudah dan sedang dirancang dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Beliau berkata, terdapat begitu banyak projek kerajaan termasuk koridor pembangunan yang akan dilancarkan tidak lama lagi bertujuan mewujudkan kawasan pertumbuhan baru untuk dinikmati penduduk di bandar atau pedalaman.

"Saya menaruh harapan koridor pembangunan berkenaan dapat memacu tuju hala pembangunan yang lebih menyeluruh di negara ini, termasuk bagi kawasan luar bandar.

"Kita tidak mahu meminggirkan sesiapa dalam pembangunan yang dirancang kerajaan. Bagi koridor pembangunan di Sarawak, saya akan mempercepatkan usaha ini dan akan minta Unit Perancang Ekonomi kaji segera pelaksanaannya," katanya pada majlis makan malam bersama ketua masyarakat pelbagai kaum di sini, malam tadi.

Turut hadir, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan Timbalannya, Tan Sri Dr George Chan Hong Nam dan Tan Sri Alfred Jabu Numpang.

Pada majlis sama, Abdullah turut menerima resolusi sembilan persatuan Orang Ulu di utara Sarawak yang turut menyatakan sokongan terhadap kepemimpinan Perdana Menteri.



**PENGGERAK EKONOMI:** Abdullah melihat pelan Jambatan Asia sambil diperhatikan isterinya, Datin Seri Jeanne Abdullah; Abdul Taib (dua dari kiri) dan Penasihat Global Upline Sdn Bhd, Tan Sri Ting Pek Khiing (kiri) di Miri, semalam.

Perdana Menteri turut mengadakan mesyuarat tertutup dengan pemimpin komponen BN Sarawak.

Abdullah berkata, kerajaan pimpinannya memberi jaminan pembangunan modal insan akan terus dititik beratkan dalam agenda pembangunan negara.

"Modal insan adalah aset penting dalam pembangunan sesebuah negara. Justeru, kita tidak boleh abaikan

perkara ini. Sumber alam sedia ada tidak dapat dibangunkan tanpa modal insan yang berpendidikan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga akan memastikan masyarakat luar bandar di seluruh negara termasuk golongan kurang berada dapat menikmati kemudahan pendidikan setaraf golongan berada di bandar.

"Sebab itu, kerajaan memansuhkan yuran peperiksaan tahun lalu

bagi membolehkan semua pelajar menduduki peperiksaan walaupun daripada keluarga miskin.

"Kita juga umumkan pemberian buku, teks percuma kepada semua pelajar sekolah di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata, semua keputusan itu diambil bagi memastikan anak golongan miskin tidak terkecuali mendapat pendidikan sepenuhnya.